

Uslub Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab di KUIS

The Application of Language Styles in Learning Arabic Language in KUIS

Norfaezah Mohd Hamidin¹, Fahed Maromar², Muhammad Hatta Shafri³

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai uslub bahasa atau uslub Arab yang digunakan dalam tugas bertulis untuk subjek bahasa Arab peringkat diploma. Sebanyak 30 hasil tugas pelajar dianalisis secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian menunjukkan bahawa ramai pelajar tidak memahami tentang uslub bahasa Arab dalam bentuk komunikasi bertulis. Mereka perlu didedahkan tentang konsep uslub bahasa Arab dan jenis-jenisnya, seterusnya dapat diaplikasikan dalam bentuk komunikasi bertulis samada surat kiriman rasmi, laporan, memo, kertas kerja, minit mesyuarat dan teks ucapan. Kajian yang dijalankan ini bermanfaat untuk memberikan kesedaran kepada pendidik dan pelajar agar peka tentang kepentingan menggunakan uslub bahasa Arab yang betul supaya pelajar dapat menghasilkan karangan yang lebih berkesan untuk pemahaman pembaca dalam menyampaikan komunikasi bertulis.

Kata kunci: *uslub bahasa, komunikasi bertulis, pengajaran dan pembelajaran*

ABSTRACT

The study aims to evaluate the Arabic language styles used in written assignments for diploma-level Arabic subjects. A total of 30 student assignments were qualitatively analysed using content analysis methods. The results of the scrutiny showed that many students do not understand the Arabic language styles in the form of written communication. They need to be exposed to the concept of Arabic language styles and their types, which in turn can be applied in the form of written communication such as in official letters, reports, memos, paperwork, minutes of meetings and speech texts. This study is beneficial to provide awareness among educators and students on the importance of using the correct Arabic language style so that students can produce more effective essence for the readers' understanding in delivering written communications.

Keywords: *language style, written communication, teaching and learning*

¹ Norfaezah Mohd Hamidin, Dr, PPT KUIS, norfaezah@kuis.edu.my

² Fahed Maromar, Dr, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, fahed@uitm.edu.my

³ Muhammad Hatta Shafri, Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, muhammadhata@uitm.edu.my

Pendahuluan

Pembelajaran bahasa merupakan pembelajaran yang mustahak kerana bahasa menjadi asas untuk membolehkan seseorang berkomunikasi sesama mereka. Individu yang dapat berkomunikasi dengan baik dapat menyampaikan perasaan, gagasan mahupun mesej secara efektif kepada pendengar sekali gus dapat menarik perhatian orang yang mendengar. Bagi Awang Sariyan (2007), saling berkomunikasi merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan manusia kerana dengan berkomunikasi, individu dapat meluahkan kehendak, fikiran dan perasaan yang membolehkan individu lain dapat memberikan maklumbalas sehingga pelbagai kegiatan komunikasi lain terhasil, kesan daripada komunikasi tersebut. Komunikasi manusia berlaku dalam dua keadaan yang utama iaitu secara lisan dan bertulis. Namun, komunikasi dalam bentuk tulisan dianggap lebih penting terutamanya dalam konteks pengembangan ilmu yang lebih meluas. Hal ini turut ditekankan oleh Feny et al. (2018), bahawa menulis sememangnya tidak mudah kerana melibatkan aspek mekanikal, penguasaan tatabahasa dan topik untuk isi tulisan. Perkara utama yang ditekankan ialah kegiatan menulis merupakan satu keperluan dan tanggungjawab untuk penyebaran ilmu baik sebagai rujukan mahupun untuk mengetahui perkara yang tidak diketahui.

Dalam pengajaran bahasa asing, kosa kata adalah aset penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa. Pelajar hendaklah dibekalkan dan didedahkan dengan teknik penguasaan kosa kata yang pelbagai supaya mereka boleh mengumpul seberapa banyak kosa kata yang mampu supaya dapat mengungkapkan ayat dengan mudah. Begitu juga gaya bahasa hendaklah didedahkan dan tata bahasa tentang membina ayat hendaklah ditekankan (Samah, 2012).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:106) gaya ialah cara menulis atau bertutur, cara membuat sesuatu, terutamanya yang menjadi ciri sesuatu zaman atau seseorang. Justeru apabila disebut gaya secara umum, kita dapat menyatakan bahawa gaya adalah cara mengungkapkan diri sendiri sebagai contoh gaya berpakaian yang bermaksud cara seseorang berpakaian manakala gaya percakapan ialah cara seseorang itu bercakap. Selain itu juga, gaya boleh ditakrifkan sebagai satu cara menulis atau bercakap.

Walau bagaimanapun, perkataan bahasa diberi makna oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2005:255) sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain dan sebagainya). Maka, jika ditinjau dari segi ilmu gaya bahasa, ia memberi takrifan cara pemakaian bahasa, iaitu pengetahuan tentang pemilihan, penyusunan, penggunaan sesuatu perkataan dan ayat. Melalui gaya bahasa seseorang, kita dapat menilai peribadi seseorang (Gorys Keraf 1984:113), jika baik gaya bahasanya, maka baiklah penilaian orang terhadapnya, jika buruk gaya bahasanya, maka buruklah penilaian orang terhadapnya. Di dalam bidang penulisan pula, gaya bermaksud corak, bentuk, rupa, atau pengetahuan tentang penggunaan kata-kata dan penyusunan ayat (Abd. Aziz, 2015).

Pemahaman terhadap sesuatu bahan bacaan adalah cara utama untuk mendapatkan sesuatu maklumat. Sekiranya hasil tulisan tidak dapat difahami, pemindahan informasi sukar berlaku. Oleh itu, amat penting untuk seseorang penulis menghasilkan isi tulisan yang berkesan dalam usaha untuk menyampaikan mesej, fakta, ilmu dan hasrat yang boleh difahami dengan jelas. Selaras dengan pernyataan Awang Sariyan (2007), menulis adalah satu keperluan penting untuk dipelajari oleh pelajar semasa di kolej atau universiti. Sesungguhnya, semua orang perlu mahir mengarang kerana komunikasi bertulis tidak terpisahkan dalam kehidupan seseorang. Tidak dinafikan bahawa dalam komunikasi bertulis, banyak aspek yang perlu dijaga

untuk memastikan penyampaian mesej yang jelas dapat dilakukan antara penulis dan pembaca. Penguasaan penggunaan uslub bahasa adalah salah satu pengetahuan yang perlu diketahui oleh pelajar semasa menulis kerana merupakan cara paling asas untuk memudahkan proses memahami informasi daripada hasil tulisan yang ditulis oleh penulis.

Penulisan yang baik dianggap membawa sekali 'suara hati' dan gagasan yang mahu disampaikan oleh penulis. Dalam bahasa lisan, perkara yang ingin disampaikan bahkan perubahan emosi individu yang berlaku boleh diketahui melalui kelantangan, kelajuan, penekanan ataupun ketegangan dalam suara mereka. Namun, dalam aktiviti menulis, perkara yang boleh dilakukan oleh penulis ialah 'memandu' pemahaman pembaca dengan menggunakan uslub bahasa yang sesuai pada baris-baris ayat untuk memberi kesan serta pengaruh kepada pembaca 'mendengar' setiap ayat yang ditulis supaya dapat menyampaikan perasaan dan mesej yang signifikan dalam penulisan. Oleh itu, penulis menjadi indera melihat, merasa dan mendengar untuk memberi pengaruh sensitiviti dan pemahaman yang jelas kepada pembaca supaya jelaslah tujuan sebenar menulis iaitu untuk memberitahu (*informative discourse*), meyakinkan (*persuasive discourse*), menghiburkan dengan nilai estetika (*literary discourse*) dan mengekspresikan perasaan (*expressive discourse*) (Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani, 2018).

Pernyataan Masalah

Penguasaan kemahiran berbahasa terkandung dalam kurikulum Bahasa Arab peringkat sekolah rendah, menengah dan institut pengajian tinggi awam atau swasta. Selain kemahiran membaca, mendengar dan bertutur, kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh seseorang. Kemahiran menulis memang ditekankan dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Aktiviti menulis dianggap sebagai satu tanggungjawab yang besar kerana penulisan yang baik berupaya memperkembang pengetahuan kepada pembaca yang disasarkan (Nadzrah et al. 2011). Namun, salah satu aspek yang kurang dititikberatkan oleh penulis ialah uslub penulisan Arab dalam hasil tulisan mereka. Dalam kajian terdahulu, uslub penulisan ialah elemen yang penting dalam mana-mana wacana bertulis atau bercetak. Uslub bahasa dilihat sebagai seni dalam penulisan untuk menjadikan penulisan lebih mudah difahami. Hal ini bermakna, semasa menulis karangan, bukan hanya pemilihan perkataan, tatabahasa dan organisasi idea yang diperhatikan kerana pada masa yang sama, aspek mekanik seperti penggunaan uslub bahasa yang betul juga perlu dititikberatkan. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Muhammad Firhan et al. (2017) yang menyifatkan bahawa penulisan yang baik perlu menggunakan uslub bahasa yang sesuai dan betul pada tempatnya supaya informasi yang disampaikan secara bertulis mudah difahami, bermakna dan kekeliruan pembaca terhadap isi tulisan dapat dihindari. Namun aspek ini sering dianggap sebagai satu kemahiran sekunder dalam penulisan karangan. Walhal, uslub bahasa merupakan cara paling asas untuk memudahkan proses membaca informasi daripada hasil tulisan dan memahami penekanan pada tiap-tiap ayat yang ditulis oleh penulis.

Dalam kurikulum Bahasa Arab di KUIS, pelajar didedahkan dengan komponen uslub bahasa pada peringkat pengajian ijazah kerana pada peringkat pengajian diploma hanya menitikberatkan kepada kemahiran berbahasa, penambahan kosa kata dan mempelajari beberapa tajuk sintaksis yang terpilih. Dan antara CLO (course learning outcome) yang perlu dicapai selepas pembelajaran ialah pelajar mampu menggambarkan dan menghuraikan isi kandungan teks dan tatabahasa melalui uslub bahasa yang betul, dan juga pelajar mampu menghasilkan penulisan berformat. Di sinilah, pengetahuan tentang uslub bahasa amat penting untuk dikuasai dalam sistem pembelajaran bahasa. Kepentingan penguasaan uslub bahasa

ditekankan sebagai membantu keberkesanan penyampaian mesej yang tepat. Pernyataan dalam kurikulum Bahasa Arab ini jelas menunjukkan penekanan kepada kemampuan pelajar untuk berkomunikasi dan menyampaikan maklumat dalam pelbagai bidang ilmu dengan jelas selaras dengan fungsi Bahasa Arab sebagai bahasa ilmu. Masalah yang timbul apabila kurangnya pendedahan kepada teknik penulisan menggunakan uslub bahasa yang betul dan hanya menumpukan kepada aspek bahasa yang lain akan melahirkan pelajar yang kurang dapat berkomunikasi dengan berkesan dalam penulisannya.

Sekiranya kesedaran tentang penggunaan uslub bahasa diabaikan, dikhuatiri pelajar akan terus mengamalkan budaya ini dalam mana-mana penulisan sehingga menghasilkan penulisan yang sukar difahami. Penguasaan uslub bahasa dalam penulisan karangan perlu dikuasai kerana ini paling kurang dititikberatkan dalam pembelajaran Bahasa Arab walaupun rubrik pemarkahan karangan pelajar ialah menggunakan uslub bahasa yang betul. Ini kerana kemahiran menulis yang merupakan aspek kemahiran berbahasa yang keempat selepas kemahiran mendengar, bercakap, dan membaca. Uslub bahasa kurang diterapkan semasa proses pengajaran kemahiran menulis. Ini kerana uslub bahasa merupakan satu komponen dalam ilmu Balaghah iaitu ilmu Maani.

Sorotan Kajian

Komunikasi terdiri daripada dua bahagian iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bertulis. Komunikasi lisan merupakan proses komunikasi yang menggunakan percakapan untuk menyampaikan maklumat kepada penerima. Contoh komunikasi lisan ialah percakapan, ceramah, seminar, pidato, wawancara, kelas master, debat, adalah situasi komunikasi lisan yang cukup umum. Manakala contoh komunikasi bertulis ialah penulisan melibatkan penggunaan bahasa, tatabahasa, struktur ayat, dan uslub penulisan dalam pelbagai keadaan atau situasi. Penulisan memerlukan kreativiti, ketekunan, tepat pada sasarannya dan bahasa yang sesuai dengan penerimanya. Contoh komunikasi bertulis seperti surat kiriman rasmi, laporan, memo, kertas kerja, minit mesyuarat dan teks ucapan.

Khabari dan Insyai dalam ilmu balaghah

Secara umum, ilmu balaghah terbahagi menjadi tiga disiplin ilmu, pembahagiannya adalah seperti berikut :

a. Ilmu Ma'ani, iaitu ilmu yang menjaga jangan sampai mutakallim itu salah dalam memberi makna yang dikehendaki.

Kesimpulan: Ilmu Ma'ani adalah ilmu untuk menjaga kesalahan berbicara.

b. Ilmu Bayan, iaitu ilmu untuk menjaga kalam (ucapan) dari *ta'kid* yang berhubungan dengan makna (*Ta'kid Maknawi*),

Kesimpulan: Ilmu Bayan adalah ilmu yang menjaga pembicaraan yang tidak mengarah kepada tujuan.

c. Ilmu Badi', iaitu ilmu untuk mengetahui cara-cara memperbaiki kalam atau ucapan.

Kesimpulan: Ilmu Badi' adalah ilmu untuk menghiasi susunan kalimat.

Perlu diketahui dalam ketiga ilmu ini, kalam yang disebut dengan *Khabari* dan *Insyai* ada dalam ilmu Ma'ani.

Uslub adalah istilah bahasa Arab yang diertikan dalam bahasa Inggeris sebagai *way, course, manner, style, methode, length*. Dalam bahasa Arab (أساليب) aslib adalah kata jama' (جمع) uslub. Uslub dalam bahasa Arab memberi maksud cara penulisan seseorang penulis dalam penulisan atau karangannya. Dalam kamus Dewan, perkataan uslub memberi makna gaya atau stail penulisan (Wan Rohani, 2012). Uslub bahasa Arab terdiri daripada dua bahagian iaitu uslub bahasa atau uslub *Khabari* dan uslub *Insyai*. Uslub *Khabari* yang dikenali sebagai ayat penyata terdiri daripada ابتداءي، طلبي وإنكاري. Uslub ابتداءي atau خالي الذهن ialah uslub yang tidak mengandungi sebarang huruf taukid, manakala uslub طلبي atau متردد ialah uslub yang mempunyai satu huruf taukid. Dan uslub إنكاري atau منكر ialah uslub yang mempunyai lebih daripada satu huruf taukid.

Manakala uslub *Insyai* ialah ayat bukan penyata yang terdiri daripada dua bahagian iaitu طلبي dan غير طلبي. Uslub طلبي seperti النداء، الاستفهام، التمني، النهي، الأمر. Manakala uslub غير طلبي seperti التعجب، القسم، الترجي، المدح والذم.

**Jadual 1: Fungsi dan Contoh Penggunaan Uslub
Khabari dan Uslub *Insyai***

Uslub Bahasa	Fungsi
Uslub <i>Khabari</i>	ابتدائي / خالي (Tiada huruf taukid)
	فاز أحمد في المسابقة
	قال الله تعالى: ﴿الحمد لله رب العالمين﴾
	طلبي / متردد (Satu huruf taukid)
	قال الله تعالى: ﴿إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ﴾
	قال الله تعالى: ﴿قَدْ جَاءَكُمْ بَيْنَهُ مِنْ رَبِّكُمْ﴾
	قال الله تعالى: ﴿والضحى﴾ ﴿والفجر﴾
	هو يذهب إلى السوق
	إنكاري / منكر (2 atau 3 huruf taukid)

	قال الله تعالى: ﴿لقد خلقنا الإنسان في أحسن تقويم﴾
	قال الله تعالى: ﴿إِنَّكَ لَمِنَ المرسلين﴾
	قال الله تعالى: ﴿والعصر ﴿١﴾ إِنَّ الإنسان لَفِي خسر﴾
	والله لقد فاز أحمد في المسابقة
Uslub Insyai	إنشاء طلي
	Ucapan mempunyai unsur permintaan
	النداء: يا بني! أقم الصلاة
	الأمر: اجتهد ولا تكسل
	النهي: كلوا واشربوا ولا تسرفوا
	الاستفهام: هل تؤدي واجباتك؟
	التمني: ليت الزمان يعود ساعة
	إنشاء غير طلي
	Ucapan tidak mempunyai unsur permintaan
	التعجب: ما أكثر الناس إذا ازدحموا في الأسواق
	المدح: نعم الصديق الكتاب
	الذم: بئس العدو الكسل
	القسم: والله، إن مع العسر يسرا
	الترجي: عسى الله أن يوفقك

Jadual 1 merupakan contoh-contoh uslub bahasa bagi setiap jenis uslub bahasa Arab. Setiap uslub mempunyai peranan yang berbeza dalam jumlah ayat yang digunakan untuk menyatakan maklumat yang berbeza mengikut keadaan tertentu.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk meneliti penggunaan uslub bahasa dalam penulisan berformat oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan Multimedia (Kepujian), semester 1 daripada Fakulti Pendidikan yang mengambil subjek Al Arabiah Al 'Aliyah Li Dirasat Islamiyyah II. Data diperoleh daripada sumber utama kajian ini iaitu 15 hasil tugas bertulis berkumpulan bagi memo dan 15 hasil tugas bertulis berkumpulan bagi emel latihan praktikal melibatkan 72 orang pelajar dalam kerja kursus. Tugas bertulis pertama ialah pelajar dikehendaki untuk menulis memo Fakulti Pendidikan atau memo KUIS dan tugas bertulis kedua ialah

mengarang emel untuk latihan praktikal. Markah bagi setiap tugas bertulis itu ialah 10 markah. Dalam kedua-dua penulisan tersebut, analisis hanya tertumpu kepada jenis uslub iaitu *khbari* atau *insyai*. Namun begitu, aspek kesalahan imla' dan tatabahasa tidak diambil kira. Pengkaji merupakan instrumen utama dalam pencarian data yang dikehendaki untuk kajian ini. Pengkaji sendiri bertindak sebagai pelaksana, pengumpul data, penganalisis, penafsir data sehinggalah ke tahap pelaporan hasil penelitian. Prosedur penelitian dijalankan dengan mengenal pasti jenis kesalahan uslub bahasa yang dilakukan oleh pelajar dalam penulisan berformat mereka, mengklasifikasi data kesalahan yang didapati dengan merujuk kepada pengklasifikasian uslub bahasa dan seterusnya membuat kesimpulan daripada dapatan yang ditemui.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Rujukan pengklasifian penggunaan uslub bahasa dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada tugas bertulis pelajar dalam kerja kursus bahasa Arab NBWU1062 seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Contoh Penggunaan Uslub Bahasa dalam tugas memo fakulti dan emel latihan praktikal

No	Uslub	Jenis Uslub
1	يسعدنا أن نعلم أن الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور ستعقد برنامجا على النحو التالي:	خبري
2	يطلب الالتزام بجميع الضوابط التي وضعتها الكلية أثناء وجودكم فيها.	خبري
3	فقد عمل قسم تكنولوجيا المعلومات على إجراء تحسينات لمعالجة هذه المشكلة.	خبري
4	نحن قيادة PERMAPEN نتمنى التوفيق لجميع الطلاب، حظ طيب لنا جميعا، بالتوفيق والنجاح.	خبري
5	ما هو برنامج "حديث بريهاتين : كويس نحو جامعة الوقاف".	إنشائي
6	رجى اتباع جميع القواعد التي وضعتها كلية التربية عند الذهاب إلى القاعة مثل حمل المصحف وارتداء الكمامة.	خبري
7	علما بأن جميع طلاب كلية التربية في الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلانجور مدعوون لحضور برنامج تلاوة القرآن بكلية التربية.	خبري
8	وجدت أن المدرسة الدينية الثانوية الإسلامية سننوسا تتناسب مع خصائص منظمة قادرة على توفر تدريب جيدا للمعلمين.	خبري
9	أمل أن تقبلين كمدرس عملي.	إنشائي
10	أنا واثق من أنني قادر على المساهمة والتعاون من أجل التقدم لمدرستك نحو اتجاه أكثر تميزا.	خبري

11	أمل أن يسمح لي بالقيام بتدريب عملي للمعلمين في مدرستك.	إنشائي
12	تود كلية التربية التقدم بطلب لتعيين مدرسين متدربين لغرض التدريس/ التدريب العملي في مدرستك لاستكمال احتياجاتهم التعليمية.	خبري
13	أنا أدرس في الفصل السابع حيث أن أحد شروط أهلي الكلية هو متابعة تدريب العملي في أي المدارس الحكومية أو غيرها.	خبري
14	يسعدني أن أبلغ أن جميع طلاب كلية التربية في الفصل الأول الذين يدرسون موضوع GERKO مرحب بهم جدا لحضور برنامج ورشة عمل المعسكر الأساسي.	خبري
15	للطلاب الذين يدرسون المواد التالية، يوصى بالاتصال بمحاضرهم للحصول على معلومات تتعلق بطريقة تنفيذ.	خبري

Karangan yang ditulis oleh pelajar dalam tugas bertulis yang diberikan mempunyai uslub *Khabari* dan ada sejumlah uslub *Insyai*. Pelajar-pelajar ini tidak diajar secara khusus tentang jenis-jenis uslub bahasa semasa mereka membuat tugas tersebut. Penulisan berformat dalam memo dan emel banyak menggunakan uslub *khabari* iaitu ayat penyata, berbanding ayat bukan penyata. Contoh:

علما بأن جميع طلاب كلية التربية في الكلية الجامعية الإسلامية العالمية بسلاجور مدعوون لحضور برنامج قراءة القرآن بكلية التربية.

Terjemahan: Dimaklumkan sesungguhnya semua pelajar Fakulti Pendidikan di KUIS dijemput hadir ke program tilawah al-Quran di Fakulti Pendidikan.

Penggunaan huruf taukid iaitu **أَنَّ** menunjukkan uslub *khabari* yang sesuai digunakan untuk mewajibkan pelajar hadir ke program yang dianjurkan di fakulti. Penggunaan uslub ini penting untuk menyatakan kehadiran pelajar adalah ditekankan ke program ini. Dan terdapat contoh-contoh uslub *khabari* seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di atas. Manakala penggunaan uslub *insyai* tampak jelas dalam penulisan emel latihan praktikal yang memohon keizinan untuk praktikal guru di sekolah. Contoh:

أمل أن يسمح لي بالقيام بتدريب عملي للمعلمين في مدرستك.

Terjemahan: Saya berharap saya diizinkan untuk menjadi guru pelatih di sekolah tuan. Penggunaan perkataan **أمل** menunjukkan uslub *insyai* iaitu membawa maksud pengharapan atau *al-temni*. Jenis uslub *insyai* ini dipanggil *طلبي*. Sama seperti contoh di atas, tapi uslub berbeza. Ayat pertama di atas adalah *طلبي* jenis penyata, manakala yang kedua *طلبي* bukan penyata.

Persoalannya di sini, adakah ketika menghasilkan ayat jumlah, mereka diperhatikan tentang penggunaan uslub bahasa pada kedua-dua ayat tersebut. Inilah tujuan kajian ini dijalankan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang uslub bahasa sebelum mereka diberi tugas bertulis kerana menulis karangan tidak akan tercapai objektif kursus pembelajaran bahasa Arab di KUIS. Kerugian besar pelajar ini tidak didedahkan di dalam kelas tentang penggunaan uslub-uslub ini dan mereka menggunakan tanpa pengetahuan ilmu uslub bahasa.

Berdasarkan penilaian dalam rubrik pemarkahan tugas bertulis, terdapat aspek penilaian uslub bahasa selain aspek tatabahasa (Qawaid) dan fikrah (isi penting). Menjadi satu ketidakadilan jika situasi ini dibiarkan berterusan, maka amatlah diharapkan dalam silibus pembelajaran bahasa Arab dimasukkan komponen ini.

Antara strategi pembelajaran yang harus dikuasai ialah strategi pembelajaran *tarkib* menurut Mustofa, 2011: 97. Iaitu aturan-aturan yang mengatur penggunaan bahasa Arab yang digunakan sebagai media untuk memahami kalimat. Fungsi pembelajaran *tarkib* adalah untuk memperbaiki uslub-uslub dari kesalahan-kesalahan secara *nahwiyah*, membantu peserta didik dalam mencetuskan apa yang diinginkan oleh uslub-uslub yang mempunyai perbezaan yang sangat tipis, pengembangan materi kebahasaan agar mudah dipahami, membangun *bi'ah lughawiyah* yang benar, menjaga hubungan antara struktur *kalimat* dengan keindahan maknanya, mengurangkan kesamaran dan kelemahan makna dalam memahami sebuah *ibarah arabiyah*, membekali peserta didik dengan kemampuan kebahasaan, serta penyusunan *kalimat* yang tepat dalam pembuatan *kalimat* sempurna (Khansa, 2016).

Kesimpulan

Pembelajaran bahasa Arab hendaklah bersifat *syumul* dan tidak boleh terpisah antara satu sama lain. Untuk mencapai objektif kursus iaitu menggunakan uslub bahasa yang betul dalam menggambarkan dan menghuraikan isi kandungan teks dan tatabahasa, tidak cukup sekadar belajar kosa kata dan tatabahasa sahaja untuk membina *jumlah* bahasa Arab, perlu juga kepada pengajaran uslub bahasa supaya maklumat yang disampaikan dapat difahami secara jelas, bermakna dan tepat kerana bahasa Arab itu sendiri bersifat keterangan (al-bayan) sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran surah Ar Rahman, ayat 4 ﴿علمه البيان﴾. Buat tanpa ilmu sangat merugikan. Oleh itu, perlu ada ruang untuk pelajar mempelajari ilmu Maani secara tidak langsung di dalam kelas, walaupun tidak dimasukkan dalam silibus kerana menjadi satu kesalahan apabila penilaian uslub bahasa dalam tugas bertulis diambil kira tanpa diberi pendedahan ilmu tersebut kepada pelajar terlibat. Pembelajaran uslub bahasa dalam kemahiran menulis boleh diterapkan dengan menyediakan modul khusus berkaitan uslub bahasa dan pelajar dapat memahami tatacara menulis tugas bertulis menggunakan uslub bahasa yang betul, seterusnya mencapai standard yang cemerlang dalam penguasaan kemahiran berbahasa dan lebih kompetensi dalam setiap tugas yang diberikan. Banyak manfaat yang diperolehi apabila pelajar menulis dengan bergaya dalam penulisan mereka dan memberi kedudukan yang istimewa dalam diri, masyarakat dan negara dalam kerjaya mereka selepas tamat pengajian di KUIS nanti.

Rujukan

- Abd Aziz, N. H., BAGI, M. K., & MODEN, I. S. P. B. (2015). *Penggunaan imitasi dalam penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti* (Doctoral dissertation, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya).
- Awang Sariyan. (2007). *Tertib mengarang: Asas retorik untuk pelajar dan pendidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewi Mei Mulyani & Hamdah Siti Hamsanah Fitriani. (2018). Analisis Kesalahan Penggunaan Huruf Kapital dan Tanda Baca pada Karangan Sederhana Siswa Kelas III SDN II Kelapa Dua Kabupaten Tangerang. *Jurnal Pendidikan Program Studi Bahasa dan Sastra Indonesia*. Vol 7, No 1: 13-24.
- Feny, O. Muhammad, R. & Purwadi. (2018). Analisis Kesalahan Berbahasa Indonesia pada Karangan Eksposisi Siswa Kelas X MIPA. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya*. Vol 6, No 1:94-109.
- Khansa, H. Q. (2016). Strategi pembelajaran bahasa Arab. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab, 1*(2).
- Muhammad Firhan, Muhammad Idham & Rosma Elly. (2017). Kemampuan Siswa Menggunakan Tanda Baca dalam Karangan Deskripsi di Kelas IV SD Negeri 10 Banda Aceh. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Sekolah Dasar FKIP Unsyiah*. Vol 2, No 4: 20-26.
- Nadzrah Abu Bakar, Norsimah Mat Awal & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Investigating Malay Language Writing Proficiency Level Among Upper Secondary School Students. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 11(2), 39-51.
- Samah, R. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(2). 555- 569.
- Wan Rohani, W. M. (2012). *Penggunaan uslub khabari dalam Al-Quran: Kajian terhadap Surah Yasin/Wan Rohani Wan Mokhtar* (Doctoral dissertation, University of Malaya).

<https://alat-alwaliyah.blogspot.com/2017/02/mengenal-istilah-khabari-dan-insya.html>
<https://arab2u.blogspot.com/2009/09/nota-balaghah-uslub-khobari.html>